



**SIARAN AKHBAR**

**THE 11<sup>TH</sup> ANNUAL BRUNEI DARUSSALAM ROUNDTABLE 2015\\  
“MENJANA DAN MENGEKALKAN PERTUMBUHAN”**

**THE EMPIRE HOTEL AND COUNTRY CLUB, JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
HARI ISNIN, 06 MUHARRAM 1437 BERSAMAAN DENGAN 19 OKTOBER 2015**

- 
1. *The 11<sup>th</sup> Annual Brunei Darussalam Roundtable* telah diadakan pada hari ini, Isnin, 06 Muharram 1437 bersamaan dengan 19 Oktober 2015, di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong, Negara Brunei Darussalam. *Roundtable* ini dianjurkan bersama Asia Asset Management Hong Kong (AAM) dan Pusat Perbankan, Kewangan Dan Pengurusan Islam (CIBFM), serta disokong oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).
  2. Tetamu Kehormat di majlis ini ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pembangunan selaku Timbalan Pengerusi AMBD. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain; Setiausaha-Setiausaha Tetap; tetamu-tetamu khas; pegawai-pegawai kanan Kerajaan serta pegawai-pegawai eksekutif daripada institusi-institusi kewangan.
  3. Tema *Roundtable* pada kali ini adalah “Menjana dan Mengekalkan Pertumbuhan” atau “Generating and Sustaining Growth”. Seminar ini memberi peluang kepada para pengawalselia dan peserta industri tempatan dan serantau untuk berkongsi buah fikiran dan maklumat mengenai dengan strategi-strategi pelaburan terkini di Asia serta perkembangan ekonomi dan infrastruktur pasaran kewangan di rantau ASEAN, yang akan membantu peluang pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia dalam sektor perkhidmatan kewangan.
  4. *Roundtable* pada tahun ini dihadiri oleh lebih daripada 150 peserta dari dalam dan luar negara, termasuk pegawai-pegawai Kerajaan, pengawalselia-pengawalselia bidang kewangan dan peserta-peserta industri.
  5. CIBFM, yang terletak di Bangunan ILIA, Universiti Brunei Darussalam (UBD), adalah satu entiti latihan di bawah AMBD, dan telah diberi pengiktirafan sebagai satu Institusi Latihan dalam menyediakan Kelulusan Nilai Tambah dalam bidang Perbankan, Kewangan dan Pengurusan. AAM adalah satu firma penerbitan dari Hong Kong yang menyediakan tren-tren dan strtaegi-strategi dalam industri pengurusan dana serta maklumat dan laporan yang komprehensif mengenai isu-isu yang berkaitan dengan industri kewangan.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 06 Muharram 1437 / 19 Oktober 2015

Rujukan: AMBD/COMMS/4